

Hubungan dua negara makin akrab

BH-19/5/2007

KUALA LUMPUR: Hubungan Malaysia-Singapura yang semakin akrab memberi petunjuk baru bagi kedua-dua negara meneruskan rundingan isu dua hala terutama pembinaan jambatan baru menggantikan Tambak Johor.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatan dari Singapura, Lee Hsien Loong di Langkawi, minggu lalu membuka satu lembaran baru bidang ekonomi.

"Minat kita masih kepada membina jambatan baru kerana dapat mewujudkan wajah baru pintu masuk utama di selatan Semenanjung yang juga sebahagian Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). Jambatan ini penting dan banyak memberi manfaat kepada kedua-dua rakyat yang sering berulang alik.

"Kita gembira jika dapat melaksanakan integrasi projek transit aliran ringan (LRT) Malaysia-Singapura ke kawasan WPI... begitu juga perkhidmatan kereta api laju yang dapat memberi kelebihan kepada rakyat dua negara berjiran," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Berdasarkan hubungan dua hala yang kini berada pada tahap terbaik itu, Syed Hamid berkata, Malaysia akan terus menyatakan minat membina jambatan baru menggantikan Tambak Johor selain isu tertunggak lain.

Katanya, ia memberi manfaat bagi tempoh jangka panjang kepada rakyat di kedua-dua negara, selain memberi kelebihan kepada Singapura yang amat berminat menyertai bidang pelaburan secara aktif di WPI.